Tinjauan Makroekonomi

SOROTAN PENTING

- **Pertumbuhan global dijangka berkembang dengan lebih cepat pada tahun 2017, disokong oleh pertumbuhan yang bertambah baik dalam ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun.**
- **Ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh pada tahun 2017.**
- **Inflasi keseluruhan dijangka terus sederhana pada separuh kedua 2017,dan diunjurkan dalam julat purata 3.0% - 4.0% bagi keseluruhan tahun 2017.**

Pertumbuhan global dijangka berkembang dengan lebih cepat, disokong oleh pertumbuhan yang bertambah baik merentas rantau

Ekonomi global yang terus kukuh pada suku kedua memperkukuh prospek pertumbuhan global yang positif. Dalam ekonomi maju, prospek pertumbuhan terus memberangsangkan. Data ekonomi yang disiarkan menyarankan prospek pelaburan yang positif. Yang penting, jangkaan bahawa keadaan pasaran pekerja adalah bertambah baik akan merangsang penggunaan swasta. Pertumbuhan ekonomi sedang pesat membangun dijangka terus mendapat manfaat daripada permintaan luaran yang kukuh dalam keadaan aktiviti dalam negeri yang mampan. Memandangkan pertumbuhan eksport terus teguh, potensi kesan limpahan kepada ekonomi dalam negeri menguatkan kemungkinan bahawa momentum pertumbuhan akan lebih kukuh pada masa hadapan.

Namun demikian, prospek pertumbuhan masih dibelenggu beberapa risiko. Hal ini berpunca terutamanya daripada langkah dasar monetari yang diperketat di negara-negara ekonomi utama, dasar perlindungan perdagangan, dan suasana politik yang tidak menentu di beberapa bahagian Eropah. Ketegangan geopolitik dan perubahan harga minyak yang ketara juga merupakan risiko terhadap prospek pertumbuhan global.

Unjuran Pertumbuhan Bertambah Baik Merentas Rantau

Rajah 36: Pertumbuhan KDNK Benar



Sumber: Prospek Ekonomi Dunia Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (Julai 2017)

Penunjuk Utama Menggambarkan Ekonomi Dalam Negeri Terus Berkembang

Rajah 37: Indeks Pelopor Komposit



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Sentimen Bertambah Baik pada S2 2017

Rajah 38: Indeks Keadaan Perniagaan dan Sentimen Pengguna MIER



Sumber: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)

Ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan lebih kukuh pada tahun 2017

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 5.7% pada separuh pertama tahun 2017 berikutan prestasi yang terus memberangsangkan pada suku kedua 2017. Persekitaran operasi ekonomi semasa adalah jauh lebih baik berbanding dengan keadaannya pada awal tahun ini. Oleh itu, ekonomi Malaysia dijangka berkembang melebihi 4.8% bagi keseluruhan tahun 2017. Penunjuk utama seperti indeks pelopor komposit Jabatan Perangkaan Malaysia, serta Indeks Keadaan Perniagaan dan Indeks Sentimen Pengguna MIER, menjangkakan bahawa ekonomi dalam negeri akan terus berkembang. Penggunaan swasta dijangka terus meningkat ekoran pertumbuhan yang berterusan dalam upah dan guna tenaga, disokong oleh pelbagai langkah dasar untuk meningkatkan pendapatan boleh guna. Pelaburan akan dirangsang oleh pelaksanaan beberapa projek infrastruktur baharu dan yang sedang dilaksanakan serta pengembangan kapasiti yang lebih giat dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Harga komoditi yang semakin stabil juga dijangka menyokong kegiatan pelaburan dalam sektor perlombongan. Bagi sektor luaran, eksport dijangka mendapat manfaat daripada pertumbuhan global yang bertambah baik, khususnya dalam kalangan negara rakan perdagangan utama Malaysia. Secara keseluruhan, ekonomi Malaysia dijangka meningkat dengan lebih kukuh pada tahun 2017.

Dari segi penawaran, keadaan permintaan luar dan dalam negeri yang bertambah baik akan memberikan manfaat kepada sektor perkilangan dan perkhidmatan. Pertumbuhan sektor pertanian akan berteraskan pada pemulihan kadar hasil minyak sawit mentah selepas mengalami fenomena El Niño. Pertumbuhan sektor perlombongan dijangka disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi daripada loji baharu gas. Bagi sektor pembinaan, projek kejuruteraan awam baharu dan sedia ada akan memacu pertumbuhan sektor ini.

Inflasi keseluruhan bagi tahun 2017 diunjurkan dalam julat purata 3.0% - 4.0%

Inflasi keseluruhan dijangka terus mencatat penurunan pada separuh kedua tahun 2017 disebabkan terutamanya oleh sumbangan yang lebih rendah daripada produk bahan api. Pemulihan yang ketara dalam pengeluaran minyak *shale* di AS dijangka dapat membendung tekanan harga minyak global daripada meningkat. Selain itu, kesan asas tahunan daripada harga bahan api yang lebih rendah pada tahun 2016 akan berkurang, memandangkan harga bahan api pada suku keempat 2016 secara relatif lebih tinggi. Inflasi keseluruhan bagi tahun 2017 diunjurkan dalam julat purata 3.0% hingga 4.0%.